

**Parlimen: Kempen Kesedaran Usaha KPKK Atasi Masalah Media Sosial  
Bernama  
12 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan kempen kesedaran bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang isu media sosial yang dihadapi pengguna internet.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang berkata pelbagai usaha dan aktiviti dijalankan oleh kementerian sebagai alternatif mendidik dan meningkatkan kesedaran penggunaan internet dan laman sosial secara positif.

"Antara kempen yang diadakan adalah pada 1 Julai lalu, Kempen Klik Dengan Bijak di Permatang Pauh, Pulau Pinang, 7-8 Julai Karnival Gen-Y di Taman Metropolitan Batu telah diadakan, dan 11-14 Julai satu Persidangan Antarabangsa Asian Media Information and Communication Centre (AMIC)-Universiti Teknologi Mara (UiTM)," katanya ketika menjawab soalan Senator Khoo Soo Seang pada persidangan Dewan Negara pada Khamis.

Khoo ingin tahu apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian dalam menangani gejala tuduh-menuduh di alam maya tanpa bukti yang kukuh serta bagaimanakah kementerian boleh mengimbangi keperluan undang-undang dengan menghormati hak asasi pengguna laman sosial untuk bebas bersuara.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhamad Yusof Husin, Salang berkata kementerian sedang mengkaji cadangan supaya bahan yang ditulis dan dikeluarkan di laman sosial perlu didaftarkan, bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul sejak kebelakangan ini.

Muhammad ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah agar blog atau laman web di internet didaftarkan secara rasmi.

Salang berkata semalam Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim telah mencadangkan di AMIC bagi menubuhkan satu majlis pengamal media sosial.

"Majlis tersebut tidak boleh dianggap sebagai inisiatif kerajaan untuk membendung kegiatan dalam internet tetapi ianya boleh memberi satu cara bagaimana mereka (pengamal blog dan media sosial) boleh mengawal perbuatan mereka sendiri," katanya.

Pada Rabu, Rais mencadangkan majlis tersebut ditubuhkan bagi membincangkan pelbagai isu dan aspek termasuk berkaitan undang-undang serta penggunaan media sosial.

"Pengguna media sosial seperti Facebook mencatatkan kira-kira 12 juta orang dari pelbagai lapisan umur di negara ini," katanya selepas menyampaikan ucap tama pada persidangan AMIC.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679943>